

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR
[CAMERON HIGHLANDS]
TARIKH : 22 OKTOBER 2019

SOALAN NO. 24

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang isu pewartaan tanah Orang Asli di kawasan Lojing kerana kawasan penempatan Orang Asli di kawasan tersebut telah menjadi semakin sempit kerana telah diceroboh dan diteroka untuk dijadikan kebun tanaman sayur-sayuran.

JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L
PONNUSAMY,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut rekod Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), terdapat 45 buah perkampungan Orang Asli di Jajahan Kecil Lojing. Setakat ini lapan (8) buah kampung Orang Asli telah diwartakan di bawah Kanun Tanah Negara (KTN) 62 dengan keluasan 774.833 hektar.

Sejumlah 36 perkampungan Orang Asli seluas 2,082.95 hektar dalam proses permohonan oleh JAKOA kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri (PBN) dan ianya tertakluk kepada keputusan PBN bagi tujuan pewartaan tanah di bawah Akta 134 Orang Asli. Manakala sebuah lagi perkampungan Orang Asli telah mendapat kelulusan dari Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Kelantan yang melibatkan keluasan sejumlah 11.375 hektar.

NO. SOALAN: 24

Memandangkan tanah adalah dibawah kuasa negeri, JAKOA akan meneruskan perundingan dan konsultasi bersama kerajaan Negeri dari semasa ke semasa bagi sebarang permasalahan tanah Orang Asli yang timbul termasuk isu penggunaan tanah rizab yang diluluskan PBN.

Sekian, terima kasih.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Mengenai isu pencerobohan dan tanah yang telah diterokai bagi projek kebun tanaman sayur-sayuran di kawasan Lojing,

1. Jabatan mengambil maklum tentang projek tanaman sayur di Kampung PSK Jedip, Kawasan Lojing, Jajahan Gua Musang.
2. Yayasan Amanah Tok Kenali anak syarikat Kerajaan Negeri telah memberi kebenaran kepada Syarikat Kaliber Sdn.Bhd. pada 29 Mac untuk menjalankan projek tersebut dengan keluasan yang terlibat 30 ekar.
3. Kampung ini telah diwartakan di bawah KTN 62 pada tahun 2012 seluas 245.48 hektar (606 ekar).